

Yayasan Minda berusaha rapatkan jurang OKU

Oleh YULPISMAN ASLI
(WARTAWAN UTUSAN)

YAYASAN Minda Kebangsaan (MINDA) ditubuhkan pada Ogos 2006 dengan misi meningkatkan tahap pembangunan intelektual individu berkeperluan khas dan orang kurang upaya (OKU).

Penubuhan MINDA antara lain hasil cetusan idea Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein yang juga penaungnya, yang mahu melihat jurang pendidikan antara komuniti berkeperluan khas (*special education needs*) dan komuniti perdana (golongan normal), jika tidak dapat dihapuskan, sekurang-kurangnya dapat dirapatkan.

Ia seterusnya akan dapat membolehkan kesaksamaan hak dalam sistem pendidikan kebangsaan dapat dicapai.

Menurut Pengerusi Eksekutif MINDA, Kamarulzaman Kamdias, penubuhan yayasan itu bertujuan untuk memberi pandangan kedua kepada Jabatan Pendidikan Khas bagi memastikan tahap pendidikan OKU di negara ini dapat dipertingkatkan.

Antara lain, peranan MINDA adalah membantu mewujudkan satu model pendidikan khas terbaik misalnya untuk peringkat prasekolah yang boleh dijadikan rujukan oleh pihak lain.

Beliau yang juga Exco Pemuda UMNO berkata, MINDA ditubuhkan khusus bagi memperjuangkan agar setiap individu mendapat hak kesaksamaan tersebut tanpa meminggirkan mana-mana komuniti masyarakat termasuk komuniti berkeperluan khas dan kurang upaya.

"Justeru, program pengupayaan pendidikan bermasalah pembelajaran adalah di antara fokus utama MINDA agar golongan tersebut dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan komuniti perdana di dalam sistem pendidikan negara," katanya dalam satu pertemuan dengan *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Menurut Kamarulzaman, ketika ini terdapat jurang dalam bidang pendidikan antara golongan komuniti perdana dengan masyarakat atau individu berkeperluan khas dan OKU.

Objektif MINDA yang akan dilancarkan secara rasmi tidak lama lagi, antara lain adalah:

- Membangun dan mengkoordinasi perkembangan kanak-kanak bermula seawal kelahiran hingga ke pendidikan prasekolah, melalui program kecemerlangan intervensi awal pendidikan berkeperluan khas bagi tujuan persediaan ke pendidikan khas bermasalah pembelajaran.

- Menjalankan usaha perkongsian kemahiran, mengusahakan penglibatan meluas pakar-pakar dari pelbagai disiplin berkaitan, menyediakan akses kepada pentadbir, guru-guru pendidikan khas dan ibu bapa untuk mempertingkatkan kemahiran. MINDA juga menjalankan kerjasama pengurusan dan kepimpinan, membangunkan model kurikulum pendidikan khas serta mewujudkan kesatuan dan kelompok setara tanpa adanya pengasingan.

- Membantu memperkasakan sistem Pendidikan Khas Bermasalah Pelajaran (PKBP) yang sedang dilaksanakan di beberapa sekolah di bawah Kementerian Pelajaran melalui kajian keberkesanan pelaksana-

an, memberi maklum balas dan cadangan pembaikan terutamanya mengenai infrastruktur, sumber, kurikulum dan sistem penyampaian agar keberkesanan program dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

- Memastikan komuniti berkeperluan khas diiktiraf kedudukannya di dalam masyarakat, mendapat akses kepada pendidikan dan latihan seperti mana pendidikan perdana. Dalam erti kata lain, menyediakan peluang pekerjaan dan kerjaya yang seimbang, persekitaran bebas kepada golongan terbabit supaya mereka dapat menjalani kehidupan lebih sempurna.

Kamarulzaman berkata, MINDA yang bertindak sebagai Lembaga Pemegang Amanah akan mengkoordinasi jaringan seluruh negara melalui program naungan pusat-pusat sedia ada dan pusat-pusat baru di kawasan yang dikenal pasti dan juga badan-badan bukan kerajaan (NGO) berkaitan.

"MINDA hendak membantu mereka yang benar-benar komited untuk membangunkan komuniti OKU" katanya.

Sumbangan

Dalam hal ini kata beliau, yayasan akan berusaha untuk mencari dana sama ada melalui sumbangan orang perseorangan atau syarikat korporat bagi membiayai operasinya.

Justeru Kamarulzaman mengalu-alukan penyertaan syarikat swasta bagi bersama-sama menunaikan tanggungjawab sosial dengan mengemukakan bantuan kepada MINDA bagi membolehkan lebih

banyak program pembangunan pendidikan OKU dilaksanakan.

Syarikat swasta boleh memanfaatkan insentif kerajaan yang mengecualikan cukai ke atas setiap sumbangan yang diberikan.

Mengenai persoalan akan berlaku pertandingan tugas dan tanggungjawab dengan agensi atau jabatan kerajaan sedia ada, Pengerusi Eksekutif MINDA itu menjelaskan, perkara tersebut tidak akan berlaku.

Ini kerana katanya, setiap pihak akan mengambil inisiatif masing-masing bagi membantu membangunkan pendidikan komuniti OKU di negara ini.

"Justeru perlu ada sikap saling membantu antara satu sama lain. Antara lain melalui penubuhan satu pusat bagi membolehkan perkhidmatan dikongsi bersama.

"Masalah sekarang, tidak ada pangkalan data yang begitu lengkap mengenai OKU yang boleh diakses oleh semua pihak," katanya.

Kamarulzaman berpendapat, ketika ini antara masalah melibatkan pendidikan OKU di negara ini ialah kekurangan guru terlatih untuk memberikan pendidikan sempurna kepada golongan terbabit.

Masalah lain katanya, ibu bapa yang mempunyai anak berkeperluan khas atau OKU kurang pendedahan tentang cara terbaik untuk melatih dan mendidik anak terbabit. Sedangkan, kata beliau, golongan berkenaan sangat memerlukan khidmat sokongan bagi membolehkan mereka mendapat pendidikan sewajarnya.

"Dalam konteks inilah MINDA wujud dengan fokus kepada pendidikan golongan berkeperluan dan masyarakat OKU" katanya.